# Rancangan Perniagaan

# Mutiara Toys Store Sdn. Bhd

*Disediakan Oleh*



| | |
|---|---|
| Khairil Anwar Bainamin | 94606263 |
| Nurul Ain Mohamad | 94605697 |
| Suhaila Abu Hasan | 94000000 |
| Md. Ruzaidi Md. Nor | 94440000 |



*Disediakan Untuk*

*En. Khairul Anwar Subari*
*Pensyarah Asas Keuahawanan ( ETR 300 )*
*ITM Cawangan Perlis*

*Diploma In Science*
*Class Of 1997*

*Tarikh Penyerahan*

*17 April 1997*

# ISI KANDUNGAN


| Kandungan | | Muka Surat |
|---|---|---|
| • | *Surat Penyerahan* | *I* |
| • | *Penghargaan* | *II* |
| • | *Muqaddimah* | *III* |
| • | *Isi Kandungan* | *IV* |
| *1.0* | *Pengenalan* | *1* |
| *2.0* | *Surat Perjanjian Syarikat* | *2* |
| *3.0* | *Tujuan* | *8* |
| *4.0* | *Sinopsis* | *9* |
| *5.0* | *Logo Syarikat* | *11* |
| *6.0* | *Latarbelakang Syarikat* | *13* |
| *7.0* | *Profil Syarikat* | *14* |
| *8.0* | *Latarbe lakang Ahli Lembaga Pengarah* | *15* |
| *9.0* | *Latarbelakang Projek Cadangan* | *19* |
| *10.0* | *Rancangan Organisasi* | *21* |
| *11.0* | *Rancangan Pemasaran* | *33* |
| *12.0* | *Rancangan Operasi* | *53* |
| *13.0* | *Rancangan Kewangan* | *60* |
| | *Rumusan* | *82* |
| | *Lampiran* | *83* |




PERPUSTAKAAN
DATO' JAAFAR HASSAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MA
KAMPUS ARAU

# 1.0 Pengenalan

Mutiara Toys Store Sdn Bhd akan di tubuhkan pada 1 Januari 2000 di Bawah Akta Syarikat 1965.

Mutiara Toys Store Sdn . Bhd merupakan sebuah perniagaan yang barangan permainan Doll House dan Township yang diperolehi secara mengimport daripada negara luar seperti Amerika Syarikat, Canada, China dan Taiwan .Syarikat ini akan mengendalikan perniagaan memasarkan Doll House dan Township.

Industri perniagaan barangan permainan Doll House dan Township sedang mendapat perhatian di kalangan masyarakat memandangkan barang permainan tersebut bersesuaian dengan perkembangan sains dan teknologi masa kini. Doll House adalah barang permainan yang sesuai pada peringkat 3 hingga 9 tahun. Permainan ini dapat membina minda dan kreaviti kanak-kanak, manakala Township pula sesuai untuk peringkat umur daripada 7 tahun hingga dewasa. Ianya dapat mengajak golongan ini untuk merekacipta Township dengan menggunakan daya kreativiti dan imaginasi mereka.

Dalam jangkamasa panjang, Mutiara Toys Store Sdn. Bhd akan memperkembangkan perniagaan ke Selatan danTimur Malaysia dan mempelbagaikan barang Doll House dan Township supaya lebih terkini.

Penglibatan Mutiara Toys Store Sdn. Bhd. dalam perniagaan barang permainan Doll House dan Township adalah kerana memandangkan pasaran barangan permaianan tersebut semakin meningkat dan mendapat perhatian di kalangan masyarakat dan bersesuaian dengan perkembangan ekonomi Malaysia.

# 4.0 Sinopsis

## 4.1 Nama Syarikat

Syarikat didaftarkan dengan nama Mutiara Toys Store Sdn. Bhd. dan ia merupakan sebuah syarikat Sendirian Berhad yang terdiri daripada 4 pemegang saham merangkap ahli lembaga pengarah.

## 4.2 Lokasi

Syarikat kami teletak di Shop Lot, Bayan Bay Pulau Pinang. ( Akan diketahui apabila siap pada 1999)

## 4.3 Pasaran

Sasaran utama bagi barang kami adalah di kawasan utara iaitu sekitar negeri Kedah, Perlis dan Pulau pinang. Dianggarkan jumlah populasi pudduduk kawasan ini adalah 2.9 juta orang. (Bancian tahun 1995 )

## 4.4 Persaingan

Mutiara Toys Store Sdn. Bhd. turut bersaing dengan syarikat berikut

- **Mattel Southeast Asia Ptd. Ltd.**
  No. 89- 90 A Jalan Sentosa 6 ? 8 a
  53100 Petaling Jaya
  Selangor Darul Ehsan.
- **Wan Lee Brothers Sdn. Bhd.**
  116-120 Jalam Dr Chew Chee Kong.
  10150 Pulau Pinang
- **Pasaraya Yaohan**
  Shop Lot , Bangunan Komplek Tun Abdul Razak ,
  Pulau Pinang .

- **Parkson Ria**
  City Point , Alor Setar
  Kedah
- **Looking Good**
  Kangar , Perlis
- **The Store**
  Sungai Petani , Kedah
- **Looking Good**
  One Stop , Pulau Pinang

## 4.5 Modal

Berikut adalah jumlah modal yang dikeluarkan

| | |
|---|---|
| Modal berbayar | RM 343 , 000 |
| Pinjaman | RM 180 , 000 |
| ***Jumlah*** | ***RM 523 , 000*** |

Modal yang diperlukan adalah untuk membiayai kos perlaksanaan pojek serta membiayai belanja operasi, belanja pemasaran dan belanja pentadbiran.

## 4.6 Masa hadapan

Mutiara Toys Store Sdn. Bhd. mempunyai masa hadapan yan amat cerah memandangkan pertumbuhan pesat di kawasan utara yang berada di dalam lingkungan racangan usahasama IMT- GT. Di jangkakan pada masa akan datang kawasan utara ini mengalami pertambahan penduduk . Dengan ini barangan Doll House dan Township lebih mendapat pasaran selaras dengan trend hidup yang gemarkan barang permainan yang berunsurkan kreativiti dan rekacipta . Disamping itu juga Mutiara Toys Store Sdn. Bhd. mempunyai rancangan jangka panjang untuk mempelbagaikan barangan Doll House dan Township .